



SAIFUDDIN bersama Chuah (kanan) menunjukkan produk buatan Malaysia selepas Pelancaran Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia di Tesco Extra, Kajang, semalam.

Oleh Rosyahaida
Abdullah
bisnes@hmetro.com.my

Kajang

Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco) memperkenalkan 14 lagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam rangkaian rakan niaga runcitnya, sebagai tambahan kepada lebih 100 PKS sedia ada di pasar raya Tesco seluruh negara.

Pengarah Produk Tesco, Kenneth Chuah berkata, penambahan PKS itu adalah sebahagian inisiatif pihaknya bagi kempen Beli Barangan Buatan Malaysia (BBBB) Bersama Tesco pada tahun ini.

Jelasnya, produk berkenaan merangkumi kategori kuih-muih manis, pes makanan serta produk kesihatan dan kecantikan yang sudah melalui pelbagai ujian sebelum ditempatkan di semua 60 pasar raya Tesco.

Tesco tambah 14 produk

Inisiatif tingkat kesedaran beli barangan buatan tempatan

"Secara asasnya, semua produk oleh 14 PKS ini mempunyai keistimewaan tersendiri. Bebas bahan kimia berbahaya misalnya, antara ciri yang perlu kita ketengahkan dengan lebih agresif dalam produk kecantikan dan kesihatan masa kini.

"Keunikan ini juga secara tidak langsung mempelbagaikan pilihan produk buatan tempatan di pasar raya kami yang kini sudah mencecah lebih

1,000 jenis.

"Menerusi kempen BBBB Bersama Tesco, kita juga menyasar kesedaran mengenai kualiti produk buatan tempatan yang setanding jenama nasional dapat dipertingkatkan," katanya selepas kempen itu di sini, semalam.

Hadir sama merasmikan kempen terbabit adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Tesco tambah 14 produk



SAIFUDDIN bersama Chuah (kanan) menunjukkan produk buatan Malaysia selepas Pelancaran Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia di Tesco Extra, Kajang, semalam. FOTO Syarifq Abd Samad

Rosyahaida Abdullah
bisnes@hmetro.com.my

TESCO Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco) memperkenalkan 14 lagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam rangkaian rakan niaga runcitnya, sebagai tambahan kepada lebih 100 PKS sedia ada di pasar raya Tesco seluruh negara.

Pengarah Produk Tesco, Kenneth Chuah berkata, penambahan PKS itu adalah sebahagian inisiatif pihaknya bagi kempen Beli Barangan Buatan Malaysia (BBBM) Bersama Tesco pada tahun ini.

Jelasnya, produk berkenaan merangkumi kategori kuih-muih manis, pes makanan serta produk kesihatan dan kecantikan yang sudah melalui pelbagai ujian sebelum ditempatkan di semua 60 pasar raya Tesco.

"Secara asasnya, semua produk oleh 14 PKS ini mempunyai keistimewaan tersendiri. Bebas bahan kimia berbahaya misalnya, antara ciri yang perlu kita ketengahkan dengan lebih agresif dalam produk kecantikan dan kesihatan masa kini.

"Keunikan ini juga secara tidak langsung mempelbagaikan pilihan produk buatan tempatan di pasar raya kami yang kini sudah mencecah lebih 1,000 jenis.

Menerusi kempen BBBM Bersama Tesco, kita juga menyasar kesedaran mengenai kualiti produk buatan tempatan yang setanding jenama nasional dapat dipertingkatkan," katanya selepas kempen itu di sini, semalam.

Hadir sama merasmikan kempen terbabit adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Chuah berkata, selain menggalakkan penyertaan PKS baru, pihaknya turut memberi tumpuan kepada menaikkan status PKS daripada kecil kepada sederhana melalui Tesco.

Ini kerana menurut beliau, PKS adalah kumpulan rakan niaga yang disifatkan lebih inovatif justeru memiliki potensi cukup besar untuk berkembang.

"Dari semasa ke semasa, kami sentiasa mencari melalui pelbagai platform antaranya pameran perdagangan dan kerjasama dengan kementerian berkaitan untuk menarik lebih ramai PKS ke Tesco.

"Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman lalu serta perbincangan mendalam, elemen yang lebih penting untuk diberi perhatian adalah memastikan perniagaan mereka semakin meningkat dan berkembang.

"Secara keseluruhan, lebih 1,000 PKS pernah berada di Tesco termasuk lebih 100 PKS ketika ini," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 31 January 2020 @ 7:35 AM

